

Food Bank Siswa ke 20 buah IPTA

SERDANG – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menjayakan program Food Bank Siswa di seluruh Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, hasrat itu selaras dengan usaha kerajaan untuk mempergiat program Food Bank di setiap IPTA seterusnya meringankan beban kos sara hidup rakyat khususnya golongan kurang berkemampuan.

“Hari ini (semalam) kita berada di Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi meneruskan lagi misi menjayakan program Food Bank Siswa yang membabitkan sasaran kami iaitu pelajar universiti selepas kali pertama diadakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang minggu lalu.

“Kita mempunyai 20 IPTA setakat ini dan saya harap sehingga hujung tahun ini kami dapat sampai ke semua IPTA termasuk di Sabah dan Sarawak,” katanya pada sidang akhbar se-



SAIFUDDIN Nasution (dua dari kiri) bersama Aini (dua dari kanan) merasmikan Food Bank Siswa di Universiti Putra Malaysia di sini semalam.

lepas merasmikan Food Bank Siswa di UPM di sini semalam.

Turut hadir Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abd Aziz.

Mengulas lanjut, Saifuddin berkata, kementerian tidak akan menghadkan jumlah penerima Food Bank Siswa sebaliknya bergantung kepada sena-

rai penerima yang dibuat oleh pihak universiti.

Katanya, hanya pihak IPTA yang dapat mengenal pasti penerima yang benar-benar layak iaitu golongan pelajar daripada keluarga B40.

“Kita tidak meletakkan jumlah penerima, sebaliknya ia bergantung kepada senarai yang pihak universiti keluarkan dan serah kepada kita,” ujarnya.